

# KE MANA KITA HENDAK DIBAWA...?

## DASAR DEMOKRASI BARAT, "PAS" JADIKAN DASARNYA?

Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) di dalam persidangannya di Kepala Batas di antara lain-lain ada membawa keputusan bahawa perjuangan demokrasinya ialah "daripada rakyat, kepada rakyat, kerana rakyat" iaitu suatu dasar yang diagung-agungkan oleh demokrasi Barat. Sekiranya dasar-dasar itu bukannya daripada sebuah "pertubuhan" yang menamakan dirinya Islam tidaklah kita mengambil endah tetapi oleh sebab ia sebuah "pertubuhan Islam" maka yang demikian itu sudah tetap menyalahi daripada dasar-dasar yang dikehendaki oleh demokrasi Islam sebab menurut faham kita dasar demokrasi Islam itu ialah "oleh rakyat, daripada rakyat, kerana Allah" dengan cara fahaman yang demikian maka pihak orang muslimin wajib faham ke mana kita hendak dibawa oleh "PAS".

### Di sekitar tujuh rancangan "PAS"

(oleh anak Melayu)

Dalam minggu pertama bulan Januari yang baharu lalu itu setengah-setengah akhbar tempatan telah menyiarkan rancangan persatuan Islam anjuran Tuan Haji Ahmad Fuad yang telah dipersetujui oleh mesyuarat agungnya di Seberang Perai pada 4 Januari itu.

Kalau PAS bukan pertubuhan yang mengaku dirinya pertubuhan siasah yang berfahaman dan berdasarkan Islam, tiadalah kita tak hirau akan butir-butirnya rancangannya yang nampak simpang siur itu dan berdiri seakan-akan pucuk ru atau daun lalang yang sedia hendak rebah ke mana angin bertiup.

Rancangan yang disiarkan itu mengandungi perkara-perkara yang sepatutnya dijadikan dasar dan asas serta tujuan PAS bukan hanya dijadikan rancangan yang diperjuangkan sementara hingga ia berjaya dan tercapai. Misalnya ialah rancangannya ini : "Berikhtiar menimbulkan cogan-cogan Islam" Maka soal menimbulkan atau menghidupkan syiar Islam itu tiadalah patut dijadikan hanya sebagai suatu rancangan sahaja, malahan itulah masalah utama yang wajib menjadi tujuan pertama dan akhir dari sesebuah pertubuhan Islam. Nampaknya orang yang menggubal rancangan PAS itu kurang mengerti akan maksud dan kehendak perkataan "rancangan" atau program itu, dari itu mereka tidak tahu tempat

di mana menggunakan dia.

Baiklah saya turunkan di bawah ini butir-butir rancangan itu satu persatu, bagaimana yang disiarkan dalam Utusan Melayu keluaran 5 Janurai 1953; dan kemudian itu saya turuti dengan ulasan-ulasan yang munasabah bagi membuka mata pembaca-pembaca kepada perjuangan PAS yang entah ke mana Yang di-Pertuanya hendak membawa ahli-ahli pertubuhannya itu. Inilah butir-butir rancangan tersebut :-

- (1) PAS berusaha dengan giat memperkenalkan kepada rakyat jelata akan kemerdekaan yang tulen serta menanamkan ke dalam jiwa mereka semangat kemerdekaan itu sambil menunjukkan cara-cara mencapainya.

Ulasan : Saya suka bertanya apakah corak kemerdekaan tulen itu? Saya dan orang-orang yang mengikuti gerak langkah PAS serta Yang Dipertuanya masih ingat lagi bahawa Tuan Haji Ahmad Fuad dalam keterangan-keterangannya dahulu hanya berkehendakan kemerdekaan yang tidak mesti ditentukan coraknya. Kalau betul PAS berdasar Islam dan berpolitik Islam kenapa tak berani berterang-terang mengatakan hendak menubuhkan negara Islam yang merdeka seperti Masyumi di Indonesia. Adakah kata-kata merdeka dalam rancangan PAS itu hanya sebagai gula-gula sahaja untuk mengelirukan rasa dan perasaan orang ramai? Kalau PAS berkehendakkan kemerdekaan yang bukan bercorak Islam, maka apakah faedah diadakan pertubuhan itu pada hal orang-orang Melayu sudah ada banyak

pertubuhan-pertubuhan siasah yang berkehendakkan kemerdekaan? Adakah PAS ditubuhkan sekadar hendak meramaikan badan-badan siasah dalam negeri ini dan supaya orang Melayu semakin berserak dan bertaburan? Bagi masalahat dan faedah siapakah PAS itu ditubuhkan? Kalau PAS mahu kemerdekaan yang bukan bercorak Islam cukuplah UMNO, kenapa mesti ada lagi pertubuhan Islam?

(2) Berusaha dengan giat memperkenalkan demokrasi yang sejati dan menyatakan faedah-faedahnya kepada negara dan umat Islam serta berusaha menanamkan semangat demokrasi ke dalam jiwa masing-masing sambil menunjukkan cara-cara bagi mencapai demokrasi.

Ulasan: Demokrasi apa yang dikatakan sejati ini?

Demokrasi Baratkah atau Timurkah atau Islamkah? Tolong terangkan supaya orang ramai berjuang dalam terang tidak meraba-raba. Di dalam dunia ini ada beberapa corak demokrasi dan tiap-tiap satu golongan mendakwa demokrasinya itulah yang sejati. Maka demokrasi yang mana PAS mahu? Boleh jadi penggubal-penggubal rancangan ini akan menjawab bahawa oleh kerana PAS itu pertubuhan Islam maka sudah mafhumlah bahawa demokrasi yang dimaksudkannya itu ialah demokrasi Islam. Kalau betul begitu kenapa tak disebut terang-terang. Saya dan orang-orang yang mengikuti telatah Yang di-Pertua PAS berasa syak dan was-was bahawa demokrasi yang dimaksudkan itu ialah demokrasi Islam, kerana perkara (6) dalam rancangan itu menunjukkan bahawa penggubal-penggubal rancangan itu tidak mengerti demokrasi Islam. Lihat ulasan saya dalam perkara (6) nanti.

(3) Mengatur dengan kemas sebuah “Dewan Pemuda” yang akan bekerja bagi melaksanakan cita-cita merdeka PAS dan sebuah “Dewan Ulama” yang bekerja sebagai badan penasihat bagi segala cawangan kerja PAS dan menjalankan segala tanggungjawab yang berkait dengan agama Islam.

Ulasan: Mengadakan “Dewan Pemuda” dan “Dewan

Ulama bukan daripada perkara-perkara yang dijadikan program oleh pertubuhan-pertubuhan siasah, malahan perkara ini dikandungkan dalam perlembagaan bagi sesebuah parti itu.

Adapun maksud sesuatu rancangan atau program bagi sesebuah parti itu ialah usaha-usaha atau ikhtiar-ikhtiar yang hendak dijalankan buat sementara waktu bagi mencapai tujuan-tujuan parti dan mentahqiqkan dasar dan asas-asasnya.

Seperkara lagi dalam perkara (3) ini ialah yang hendak diatur dan dikemaskan ialah Dewan Pemuda. Bukan hendak membentuk pemuda-pemuda dengan jiwa Islam bagi melaksanakan cita-cita merdeka. Soal mengatur Dewan Pemuda maknanya menyusun pentadbiran dan urusan hari-hari pada hal yang sangat-sangat perlu sekarang bukanlah soal pentadbiran sebuah dewan malahan soal roh Islam yang sudah hampir hapus dari batin pemuda-pemuda yang telah dirasuk dek hantu moden.

(4) Berikhtiar memperkenalkan diri PAS (umat Islam Malaya) kepada alam Islami dan badan-badan kebajikan Islam seluruh dunia serta membuat perhubungan dalam perkara-perkara yang kebajikan bagi Malaya khasnya dan dunia amnya.

Ulasan: Ini pun patut dijadikan perlembagaan, bukan rancangan. Perkataan kenalkan dalam (4) ini tak tepat, kerana yang wajib dibuat sekarang bukan perkenalan, malahan perhubungan dengan alam Islami. Alam Islami bukan tak kenal Malaya, tetapi tak ada perhubungan dengannya, sama ada dalam perkara-perkara kebajikan apalagi dalam perkara-perkara siasah. Inilah yang wajib dibuat oleh PAS kalau benar ia pertubuhan Islam dan kalau ia faham bahawa Islam itu adalah suatu agama yang tak kenal sempadan dan perbezaan-perbezaan kulit, bangsa, bahasa, kerja dan hatta agama di dalam soal-soal kebajikan alam.

(5) Berikhtiar menimbulkan cogan-cogan Islam.

Ulasan: Ini buan rancangan, tetapi wajib dijadikan tujuan PAS yang pertama dan utama.

(6) Berikhtiar menegakkan sebuah negara yang merdeka yang didirikan oleh rakyat dari rakyat kerana rakyat.

Ulasan: Apa corak negara merdeka yang PAS mahu dirikan itu? Kenapa berselindung di balik tabir?

Takutkah atau tidak mengertikah?

Negara merdeka yang didirikan oleh rakyat dari rakyat kerana rakyat itu, bukanlah corak Islam kerana negara merdeka corak Islam ialah begini rupanya “oleh rakyat, daripada rakyat, kerana Allah” kalau alim ulama PAS tidak fahamkan ini tolong semak ayat-ayat Quran dan hadis-hadis yang menghendakki supaya segala gerak geri, perbuatan dan tingkah laku hamba Tuhan itu kerana Tuhan dan semata-mata *liwajh Allāh*. Inilah demokrasi Islam yang tulen. Islam tidak mahu negara merdeka yang tidak kerana Tuhan yakni tidak menjalankan hukum-hukumnya. Islam tidak suka pemeluk-pemeluknya membuat dan melakukan sesuatu kerana hendak bermuka-muka dan mencari keredhaan makhluk pada hal memurkakan Tuhan.

Negara merdeka corak Islam ialah negara ketuhanan yakni semua hukum-hukumnya, undang-undang tubuhnya dan perjalannya serta rakyat dan penduduk-penduduknya tertakluk di bawah Tuhan. Penduduk-penduduk negara Islam yang tidak mahu takluk di bawah hukum-hukum Tuhan bolehlah diberi perlindungan secara seorang manusia yang mempunyai hak-hak kemanusiaan.

(7) Mempersetujui kemerdekaan Malaya di dalam lingkungan *Commonwealth British*.

Ulasan: Rancangan ini membayangkan seolah-olah ada undang di sebalik batu dan telah pun mendapat bantahan yang kuat dalam persidangan itu. Orang-orang Islam patut bertanya kalau PAS di sini berani berterang-terang menyatakan sikapnya hendak masuk dalam *British Commonwealth*, maka kenapa dia tidak berani menyatakan sikapnya hendak bercorak Islam? Adakah PAS hanya hendak merebut keredhaan makhluk dan tak inginkan keredhaan Allah?

Saya di sini bukan bermaksud hendak menyalahkan pendapat yang berkehendakan “Malaya merdeka dalam lingkungan *British Commonwealth*” bahkan saya sekadar hendak menunjukkan

betapa keadaan PAS itu tidak berani menyatakan corak Islamnya pada hal berani mengikat dirinya dengan satu pendapat politik yang dalam lagi kusut dan kait mengait pula dengan masalah antara bangsa-bangsa (*international*).

Sekarang PAS hendaklah menunjukkan coraknya yang sebenar adakah ia pertubuhan Islam tulen atau pertubuhan siasah macam lain-lain pertubuhan siasah yang ada di negeri ini. Kiranya PAS sudah menyatakan sikapnya bukan bercorak Islam, maka saya tidak akan membuat perhitungan dengannya seperti ini.

## Sokong bawa rebah

Akhbar Melayu Raya dalam keluarannya 6 Januari, tatkala mengulas rancangan PAS itu telah memuji-muji dan mengagung-agungkannya. Telatah akhbar ini menunjukkan yang dia kurang faham atas perjuangan sesebuah parti, mengikut nama dan dasarnya.

Saya sebenarnya terperanjat dan hairan sehairan-hairannya membaca pendapat Melayu Raya ini : “Barangkali ada di antara orang yang tidak merasa atau pun belum merasa puas dengan rancangan persatuan Islam se-Malaya di dalam cita-cita menuju kemerdekaan Malaya iaitu terutama orang-orang yang fanatik kerana tidak disebutkan di dalam rancangan itu bahawa Belia Malaya merdeka kelak mestilah sebuah “Malaya yang bercorak Islam”.

Di dalam pendapat Melayu Raya ini ada beberapa perkara keliru dan mengelirukan dari itu saya suka bertanya beberapa pertanyaan seperti di bawah ini:

(1) Kiranya PAS hanya bercita-cita menuju kemerdekaan walau apa juga coraknya, maka kenapa mesti ada PAS berpecah-pecah dan bercerai berai dengan tidak ada satu tujuan yang tentu? Saya ingat bahawa Melayu Raya tatkala mendengar sebuah parti Islam akan muncul di Johor telah terpekik pakau dan melolong-lolong mengingatkan orang Melayu jangan berpecah

belah? Maka adakah Melayu Raya tak suka kerana parti yang hendak muncul itu memakai nama Islam?

(2) Kenapa Melayu Raya mensifatkan orang-orang yang hendakkan kemerdekaan yang bercorak Islam itu fanatik? Adakah pada pandangan Melayu Raya yang Islam itu agama fanatik? Atau adakah Tuhan dan rasulnya itu fanatik? Kenapa hanya orang-orang yang berkehendak corak Islam itu sahaja yang fanatik, dan orang-orang yang terkinja-kinja hendak meniru Barat itu tidak fanatik? Atau adakah kerana negara merdeka corak Islam itu akan menghapus habis segala tuntutan hawa nafsu dan keinginan-keinginan syahwat kebinatangan?

Saya terpegun betul dan tersentak apabila saya membaca tulisan Melayu Raya ini: “Pada pendapat kita langkah yang diambil oleh persatuan Islam se-Malaya dengan tidak menyebutkan ini adalah satu langkah yang bijak kerana apa yang harus diperjuangkan sekarang bukanlah menentukan apa coraknya negara Malaya merdeka kelak, yang dikehendaki ialah Malaya mesti merdeka dan kemerdekaan Malaya mestilah dicapai dengan cara yang sempurna aman dan damai yang berasaskan perlembagaan.”

Cakapan seperti ini jika disampaikan kepada seorang berakal dengan tidak diberitahu kepadanya siapa yang menuturkannya dan ditanya daripada orang yang macam mana boleh keluar cakapan macam itu? Sudah tentu dia menjawab: Cakapan ini cakap orang yang belum tahu A B C dalam perjuangan, pergerakan dan hal ehwal dunia.

Sekali lagi saya menanya Melayu Raya beberapa pertanyaan seperti di bawah ini:-

(1) Akal siapakah yang boleh terima cakapan seorang yang berkata : Aku nak sebuah rumah dan rumah itu mesti berdiri dan bentuknya aku tak mahu bicara dan tentukan sekarang, aku hanya nak rumah habis perkara?!

(2) Akal yang macam manakah yang kita harus pakai dan gunakan bagi memikirkan bahawa British akan menyerahkan kemerdekaan negeri ini kepada bumiputeranya, dengan dia tidak tahu apa corak negeri ini bila merdeka kelak?! Adakah Melayu Raya fikir yang British akan serahkan kemerdekaan negeri ini dengan buta tuli hatta sekalipun akan bercorak merah?

(3) Macam manakah rupa perjuangan yang dikatakan “aman dan damai yang berasaskan perlembagaan” pada hal benda yang dituju itu tak bercorak lagi? Perjuangan secara perlembagaan yang macam manakah yang dikatakan tidak mesti ditentukan coraknya lebih dahulu? Apa yang semua orang tahu bahawa tiap-tiap sesuatu yang dikatakan perlembagaan itu mestilah ada coraknya. Tetapi rupanya di dalam kamus Melayu Raya ada jenis perlembagaan yang tidak bercorak .....syabas!!!

Bagi tiap-tiap seorang nabi itu Rahbāniah (cita-cita membuang lazat hidup) maka Rahbāniah umat ini (umat Islam – p.) ialah berjihad pada jalan Allah.

“Makna Hadis”

\* \* \*

Jelaslah (hitung baik buruk – p.) diri kamu sebelum kamu dihisab oleh Tuhan dan timbanglah amal perbuatan kamu sebelum Tuhan menimbanginya. – “Makna Hadis”.

\* \* \*

Sejahat-jahat umatku ialah mereka yang telah dilahirkan di dalam kemewahan dan yang telah sebat dengannya : Mereka makan makanan berjenis-jenis rupa dan rasanya, memakai pakaian yang berbagai-bagai rupa, dan berkenderaan yang bermacam-macam pula ; mereka itulah yang berbangga-bangga dengan kata-kata kosong

-Makna Hadis Syarif.